

16 SEP 1997

Mahathir-multimedia

MAHATHIR GESA ADAKAN FORUM UNTUK GUBALKAN RANGKA KERJA MAKLUMAT GLOBAL

KUALA LUMPUR, 16 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menggesa diwujudkan sebuah forum maya dipanggil Komanwel Maya Negara-negara untuk merangka satu rangka kerja global bagi pentadbiran era maklumat dan ke arah pembentukan satu masyarakat awam global.

Beliau berkata ini kerana jurang yang semakin luas antara masyarakat yang miskin maklumat dan yang kaya maklumat membawa kepada perlunya satu rangka kerja baru pentadbiran di mana soal pembahagian keadilan sama-sama wujud dalam sistem pasaran bebas bagi ekonomi digital.

"Di era maklumat, asas baru bagi kekuasaan, kekayaan dan pengaruh adalah pengetahuan. Tiada siapapun mempunyai monopoli kepada pengetahuan dan kebijaksanaan, bermakna tiada siapapun akan memiliki semua kekuasaan, kekayaan dan pengaruh," katanya.

Dr Mahathir berucap kepada kira-kira 600 perwakilan dan peserta Persidangan dan Pameran Multimedia Asia 97 di Mines Resort City di sini.

Perdana Menteri berkata kuasa pasaran memberi ganjaran kepada yang cekap dan menghukum yang tidak cekap dan yang kurang berupaya. Kecekapan dan persamaan tidak saling wujud.

Yang demikian jika ekonomi digital dibiarkan ditentukan oleh kuasa pasaran sendiri ia akan hanya melebarkan lagi jurang antara masyarakat yang bermaklumat dengan yang tidak bermaklumat.

Beliau berkata dalam komanwel mutlak negara-negara, teknologi multimedia seperti videofon dan telesidang dapat digunakan sebagai cara untuk berkomunikasi dan membincangkan isu-isu yang menjadi perhatian dan masalah antara satu sama lain.

Adanya kepelbagaian budaya yang dikatakan akan menjadi budaya masa akan datang, Dr Mahathir berkata: "kita perlu lakukan penyesuaian supaya keakraban kita antara satu sama lain tidak menyebabkan kita mencerobohi kawasan orang lain terlalu kerap."

Sebaliknya, beliau berkata keakraban masyarakat global dan kekerapan terdedah kepada satu sama lain dan maklumat mengenai sesama sendiri membolehkan semangat kejiranan yang ampuh dipupuk.

MSC katanya yang menggunakan konsep perkongsian bijak merupakan wadah bagi masyarakat dunia untuk sama-sama merancang masa depan bersama.

"Kami mempelawa kerjasama daripada perseteruan, memperkayakan daripada menindaskan, perkongsian daripada rebutan."

Perkara-perkara ini perlu menjadi kata-kata hikmat, yang boleh menyediakan asas ke arah mewujudkan sebuah masyarakat global yang adil dan saksama," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata Koridor Raya Multimedia (MSC) sebagai pelaburan negara bagi masa akan datang merupakan "benih yang akan menunaskan masyarakat awam" dalam menjayakan Wawasan 2020.

Katanya Wawasan 2020 itu sendiri merupakan usaha "untuk mencipta semula" masa depan, yang bermakna mula menggerakkan agen perubahan yang kini mengambil kira realiti semasa dan keadaan yang tidak menentukan pada masa akan datang.

"Bagi fikiran kami, beralih daripada masa lampau merupakan sesuatu yang getir -- jurang yang terbuka luas bagi masa hadapan perlu dirapatkan -- MSC merupakan usaha pertama kami ke arah itu," katanya.

Beliau berkata "menerusi jaringan kerajaan elektronik kami berharap untuk mencipta semula dunia pentadbiran, menerusi jaringan sekolah bistari

kami berharap untuk mencipta semula pendidikan, menerusi teleperubatan kami berharap untuk mencipta semula jagaan kesihatan dan jaringan pemasaran tanpa sempadan kami berharap untuk mencipta semula amalan perniagaan."

Dr Mahahtir berkata idea penubuhan kerajaan elektronik merupakan peringkat kedua dalam usaha mengurangkan saiz perkhidmatan awam selepas konsep Persyarikatan Malaysia.

Perdana Menteri berkata menyedari ia bukan mudah untuk mencipta semula apa yang telah sedia ada, Malaysia bersedia untuk belajar daripada pengalaman dan pengetahuan negara-negara lain.

Katanya, Malaysia telah berjaya beralih daripada sebuah ekonomi berasaskan pertanian kepada ekonomi berteraskan perindustrian dalam tempoh masa dua dekad dan telah melakukannya tanpa mengabaikan pentingnya pengagihan yang saksama.

Persidangan dan Pameran Multimedia Asia 97 bertemakan "Menggerakkan MSC Daripada Wawasan Kepada Kenyataan: Mercu Penyelesaian Pintar" merupakan perhimpunan tahunan pakar dan pelabur untuk membincangkan mengenai program MSC.

MSC dirancangkan di kawasan seluas 50 km kali 15 km meliputi Kuala Lumpur City Centre (KLCC), Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang dan pusat pentadbiran kerajaan pusat yang baru, Putrajaya.

-- BERNAMA

NI oba